



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1996

**BAYARAN INSENTIF KHAS, IMBUHAN TETAP KERAIAN,
BANTUAN PEMBANTU RUMAH DAN MENYELENGGARA RUMAH
KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI
SERTA IMBUHAN TETAP PERUMAHAN
KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan

Kerajaan untuk -

- 1.1 mewujudkan Bayaran Insentif Khas kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Jurutera, Arkitek, Juruukur Bahan dan Akauntan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Sektor Awam;
- 1.2 meminda kadar Imbuhan Tetap Keraian bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Sektor Awam;
- 1.3 meminda kaedah Bayaran Pembantu Rumah dan
memanjangkan faedahnya kepada Jawatan Utama 'B', Gred

Khas 'B', Jawatan Utama 'C' dan Gred Khas 'C';

1.4 meminda kadar Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah dan memanjangkan faedahnya kepada Jawatan Utama 'B', Gred Khas 'B', Jawatan Utama 'C' serta Gred Khas 'C'; dan

1.5 meminda kadar Imbuhan Tetap Perumahan Pegawai-Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred I dan Gred 2.

KADAR BAYARAN

2. Kerajaan telah bersetuju meluluskan bayaran kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi Sektor Awam serta jawatan yang setaraf dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dan Kumpulan Pengurusan & Profesional seperti berikut-

2.1 Bayaran Insentif Khas secara bulanan kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Jurutera, Arkitek, Juruukur Bahan dan Akauntan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti formula berikut -

50% x Imbuhan Tetap Jawatan Utama/Gred Khas

(Contoh seperti di [Lampiran A](#))

2.2 Kadar Imbuhan Tetap Keraian Bagi Kumpulan

Pengurusan Tertinggi adalah seperti berikut -

JAWATAN	KADAR BARU (RM SEBULAN)
Ketua Setiausaha Negara	5,300
Utama Turus I	5,200
Utama Turus II	5,100
Utama Turus III	5,000
Utama 'A'	4,000
Gred Khas 'A'	3,300
Utama 'B'	3,050
Gred Khas 'B'	2,650
Utama 'C'	2,500
Gred Khas 'C'	2,150

2.3 Kaedah bayaran untuk Pembantu Rumah bagi Kumpulan

Pengurusan Tertinggi adalah seperti berikut -

JAWATAN	KADAR BARU (RM SEBULAN)
Ketua Setiausaha Negara	2,000
Utama Turus I	1,000
Utama Turus II	1,000
Utama Turus III	1,000
Utama 'A'	500
Gred Khas 'A'	500
Utama 'B'	500
Gred Khas 'B'	500
Utama 'C'	500
Gred Khas 'C'	500

2.4 Kadar Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah bagi
Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti berikut -

JAWATAN	KADAR BARU (RM SETAHUN)
Ketua Setiausaha Negara	4,000
Utama Turus I	3,000
Utama Turus II	3,000
Utama Turus III	3,000
Utama 'A'	2,000
Gred Khas 'A'	2,000
Utama 'B'	2,000
Gred Khas 'B'	2,000
Utama 'C'	2,000
Gred Khas 'C'	2,000

2.5 Kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 1 dan Gred 2 adalah seperti berikut -

GRED JAWATAN	KADAR SEMENANJUNG (RM SEBULAN)	KADAR SABAH (RM SEBULAN)	KADAR SARAWAK (RM SEBULAN)
1	900	900	900
2	700	700	700

Pegawai yang memangku adalah layak menerima Imbuhan Tetap Perumahan gred jawatan yang dipangku.

TARIKH KUATKUASA

3. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996.

PEMAKAIAN

4. Tertakluk kepada penerimaanya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini -

- 5.1 Perenggan A1 (b), A2(a) di Lampiran B, [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996](#);
- 5.2 Perenggan 3.1.1 dan 4.1, [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1994](#); dan
- 5.3 Perenggan 10, [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1980](#),

adalah **dibatalkan**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

22 Jun 1996.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**BAYARAN INSENTIF KHAS
PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN,
JURUTERA, ARKITEK, JURUUKUR BAHAN DAN AKAUNTAN
KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

FORMULA:

50% x Imbuhan Tetap Jawatan Utama/Gred Khas

CONTOH

1. Bayaran Insentif Khas Bagi Jawatan Utama 'A'

$$50\% \times \text{RM}2,500 = \text{RM}1,250 \text{ @ bulan}$$

2. Bayaran Insentif Khas Bagi Gred Khas 'A'

$$50\% \times \text{RM}2,000 = \text{RM}1,000 \text{ @ bulan}$$

3. Bayaran Insentif Khas Bagi Jawatan Utama 'B'

$$50\% \times \text{RM}1,500 = \text{RM}750 \text{ @ bulan}$$

4. Bayaran Insentif Khas Bagi Gred Khas 'B'

$$50\% \times \text{RM}1,200 = \text{RM}600 \text{ @ bulan}$$

5. Bayaran Insentif Khas Bagi Jawatan Utama 'C'

$$50\% \times \text{RM}1,000 = \text{RM}500 \text{ @ bulan}$$

6. Bayaran Insentif Khas Bagi Gred Khas 'C'

$$50\% \times \text{RM}800 = \text{RM}400 \text{ @ bulan}$$